

Tapak pelupusan terbakar

Asap tebal mengganggu penduduk meliputi kawasan sejauh dua kilometer

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIK

KUANTAN - Kebakaran di kawasan tapak pelupusan sampah Jalan Jabor di sini menyebabkan gangguan asap yang agak tebal meliputi kawasan sejauh dua kilometer dari tapak tersebut, semalam.

Keadaan ini mengganggu keselesaan penduduk berhampiran termasuk di sekitar Gebeng, Balok Makmur dan Balok Perdana di sini.

Adun Besarah, Andansura Rabu berkata, berdasarkan aduan diterima, beliau turun membuat tinjauan dan mendapati kebakaran masih berlaku (semalam) dan di bawah pemantauan pihak bomba.

Menurutnya, berdasarkan maklumat daripada pengendali pusat tersebut, kebakaran berpunca daripada kerja-kerja pembakaran di kawasan berhampiran dan merebak ke tempat pembuangan sampah itu kira-kira jam 6 petang kelmarin.

Katanya, beliau berharap



Pemandangan di sekitar kawasan tapak pelupusan yang terbakar petang semalam.

pemantauan perlu dilakukan di tapak-tapak pelupusan sampah haram dan tindakan perlu diambil bagi mengawal kejadian seumpama itu terus berlaku.

Sementara itu, pihak bomba memaklumkan, kebakaran berlaku awal malam semalam berpunca daripada bara api dari sebuah tapak pelupusan haram berhampiran yang merebak.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Gebeng, Mohd Haniff Sulaiman berkata, kebakaran melibatkan kawasan seluas 1,600 meter persegi dan kini masih dalam tindakan pihaknya.

Katanya, kawasan kebakaran ditimbus dengan pasir bagi mengawal dan memadam api daripada terus merebak.

INFO Punca kebakaran dari kawasan berhampiran sebelum merebak ke tapak pelupusan

"Operasi melibatkan lapan anggota dan kini (semalam) masih dalam tindakan dan pemantauan," katanya.



Andansura mendapatkan maklumat berhubung kebakaran tapak itu daripada pegawai bomba bertugas.



Api dipadamkan menggunakan pasir bagi mengelak terus merebak.